

17 OCT 1997

AEM: MENTERI EKONOMI MAKAN MALAM DI MENARA KL

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Menteri ekonomi dan delegasi Asean, New Zealand, Australia, dan negara-negara selatan Afrika diraikan pada jamuan istimewa di restoran berputar di Menara Kuala Lumpur malam ini.

Mereka menikmati jamuan makanan tradisional Melayu dan sekaligus berpeluang melihat keindahan pemandangan ibu kota di waktu malam, yang kini dapat dilihat dengan jelas kerana jerebu telah mula hilang berikutan hujan lebat beberapa hari ini.

Menara Kuala Lumpur, setinggi 421 meter, juga adalah menara telekomunikasi keempat tertinggi di dunia. Pembukaannya dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad September lalu.

Jamuan yang dihoskan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz itu diadakan sempena mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean ke-29 yang bermula semalam.

Mesyuarat itu berakhir esok dengan rundingan tidak rasmi antara Asean dan tiga negara iaitu Jepun, China, dan Korea Selatan. -- BERNAMA

HJ LSH NI